

# Seni silat — minat berterusan nasyarakat Bukit Tinggi

20 JAN 1990

USIA tidak menghalang masyarakat Bukit Tinggi menceburkan diri dalam seni silat.

Ini dibuktikan oleh seorang pesilat berusia 80 tahun yang telah menunjukkan ketangkassannya.

Beliau adalah di antara ramai orang tua yang masih bergiat dalam bidang seni itu di Sumatra Barat.

Kenyataan ini telah mendorong sekumpulan pesilat Singapura menerima undangan untuk menunjukkan kemahiran mereka dalam acara Gelanggang Siliyah Berganti (GSB) yang ke-8 di Bukit Tinggi dari 18 hingga 20 Disember lalu.

Perkumpulan Selayang Pandang, yang dianggotai oleh 11 pesilat, telah berada di Bukit Tinggi dari 14 hingga 24 Disember.

Encik Jamaludin Suaip, 21 tahun, yang mengetuai rombongan itu berkata bahawa minat masyarakat Bukit Tinggi terhadap seni silat berterusan biarun usia mereka telah lanjut.

Ini merupakan kali kedua umpulan itu menerima undangan daripada penganjur acara SB untuk menunjukkan kemahiran mereka dalam pertandingan tahunan bagi kumpulan-kumpulan silat di dae-



**TERUS DIMINATI:** Pertunjukan silat yang dipersembahkan dalam acara Gelanggang Siliyah Berganti di Bukit Tinggi.

rah itu.

Sebanyak 14 kumpulan dari Sumatra Barat telah menyertai pertandingan anjuran Ikatan Pencak Silat Indonesia (Ipsi) Sumatra Barat itu.

Kumpulan Ipsi cabang Bukit Tinggi, selaku tuan rumah pertandingan kali ini, muncul sebagai juara.

Perkumpulan Selayang Pandang merupakan antara empat

kumpulan yang telah diundang menyertai acara selingan. Tiga kumpulan lain mewakili Malaysia, Kepulauan Riau dan Jerman Barat.

Semasa di sana, para anggota kumpulan itu juga telah berpeluang mendalami seni silat Bukit Tinggi — yang dikatakan masih tebal ciri-ciri ke-Melayuannya — dan menggabungkannya ke dalam seni silat mereka.

## Usah guna silat untuk tunjuk kekuatan

B. Harian (M)

20 JAN 1990

MELAKA, Jumaat — Seni silat harus digunakan untuk tujuan mempertahankan diri sahaja dan bukan sebagai cara menunjukkan kekuatan kepada orang lain serta memecah-belah masyarakat.

Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abu Zahar Haji Isnin, berkata seni silat juga tidak boleh dijadikan sebagai pengukur kekuatan di antara satu sama lain kerana perbuatan itu bercanggah dengan matlamat silat itu sendiri.

"Seni silat mengamalkan semangat perpaduan dan semua sekolah

persilatan dan pesilat di negeri ini perlu menghayati semangat perpaduan ini sepenuhnya," katanya di Majlis Perasmian Kejuaraan Silat Negeri Melaka 1990 di Ayer Keroh dekat sini, hari ini.

Beliau yang mewakili Ketua Menteri Melaka berkata, seni silat juga boleh meletakkan nama Melaka di peta dunia, sekiranya pihak terbabit berusaha lebih gigih mengembangkannya ke tempat lain.

Menurutnya, sejarah sudah membuktikan bahawa silat tidak boleh dipisahkan dengan Melaka kerana negeri ini sudah

terkenal dengan kehebatan Laksamana Hang Tuah dan saudara-saudaranya yang lain, sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Sehubungan itu, katanya, pihak beliau yang menjadi harapan negara juga perlu mempertahankan negeri ini daripada jatuh ke tangan pihak lain.

Sementara itu, 146 pesilat di negeri ini mengambil bahagian dalam kejuaraan tiga hari itu, yang dianjurkan bersama oleh Majlis Gabungan Seni Silat Melaka (MGSSM) serta Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri.

Semua pesilat yang mengambil bahagian adalah ahli 18 persatuan silat yang menganggotai MGSSM seperti Silat Sikume, Hulubalang, Bakawali dan Seligi Putera.

Kejuaraan itu juga bertujuan memilih 20 wakil negeri ke pertandingan Kejuaraan Silat Kebangsaan Ke-5 di Dewan Sivik, Petaling Jaya, mulai 9 hingga 16 Februari depan.

Pesilat berkenaan juga mengambil bahagian dalam pelbagai kategori, termasuk silat seni, silat tanpa senjata, silat bersenjata, silat olahraga putera dan silat olahraga puteri.